

07 OCT 1998

Umno-Pemuda

ZULKIFLI ALWI DILANTIK PENOLONG SETUAUSAHA PEMUDA UMNO

KUALA LUMPUR, 7 Okt (Bernama) -- Pemangku Ketua Pemuda Umno Datuk Hishammuddin Tun Hussein hari ini mengumumkan beberapa pelantikan baru termasuk penolong setiausaha dan anggota exco dalam langkah yang beliau sifatkan perlu bagi memantapkan pergerakan itu.

Anggota Exco Pemuda Zulkifli Alwi dilantik sebagai Penolong Setiausaha menggantikan Saifuddin Nasution Ismail manakala Ketua Pemuda Sik, Hamlan Din mengambil tempat Dr Abdul Rahim Ghouse sebagai anggota exco.

Hishammuddin membuat pengumuman itu selepas mempengerusikan mesyuarat exco Pemuda setelah beliau malam tadi diterima sebagai pemangku ketua pergerakan itu oleh Majlis Tertinggi parti berikutan peletakan jawatan Datuk Ahmad Zahid Hamidi minggu lepas.

Saifuddin dan Abdul Rahim bersama seorang lagi anggota exco Pemuda Ruslan Kassim ialah antara 10 anggota Umno yang dipecat daripada parti oleh MT malam tadi.

Hishammuddin berkata Ketua Pemuda baru bagi Pulau Pinang, Negeri Sembilan serta Naib Ketua Pemuda Kelantan akan diumumkan dalam sehari dua lagi selepas beliau berbincang dengan Pengerusi Perhubungan Umno negeri-negeri berkenaan.

Pemuda Pulau Pinang sebelum ini diketuai oleh Dr Abdul Rahim dan Negeri Sembilan oleh Ruslan manakala Naib Ketua Pemuda Kelantan dipegang oleh Dr Wan Hasni Wan Sulaiman, yang turut dipecat.

Hishammuddin turut mengumumkan pelantikan pengerusi baru bagi lima majlis pergerakan itu untuk mengisi kekosongan.

Majlis Hal Ehwal Antarabangsa yang beliau pengerusikan akan dipimpin oleh naib pengerusi Abdul Azim Mohd Zabidi.

Majlis Hal Ehwal Agama yang sebelum ini diketuai oleh Ruslan akan diterajui oleh naib pengerusinya Wahab Din manakala tempat Wahab sebagai pengerusi Majlis Latihan akan diambil alih oleh Azizhan Yaakob.

Pengerusi Majlis Sains dan Teknologi Zein Isma Ismail akan mengetuai satu lagi Majlis dengan mengambil alih jawatan pengerusi Majlis Integrasi dan Perpaduan Nasional daripada Zulkifli Alwi manakala Mohd Supardi Mohd Noor menggantikan Abdul Rahim sebagai pengerusi Majlis Ekonomi.

"Pelantikan ini perlu dibuat berdasarkan kepada keutamaan, tugas dan kerja yang perlu dibuat bagi menggerakkan pergerakan ini. Saya mengharapkan agar semua pimpinan dan ahli Pemuda di seluruh peringkat akan menghormati dan menerima keputusan saya ini," kata Hishammuddin.

Hishammuddin, yang juga Timbalan Menteri Perusahaan Utama, menganggap pelantikan beliau sebagai pemangku Ketua Pemuda sebagai kepercayaan dan amanah yang dipertanggungjawabkan kepadanya buat sementara waktu untuk meneruskan fungsi dan peranan pergerakan itu.

Tanggungjawab itu juga terpaksa dipikul oleh setiap anggota exco, semua ketua pemuda negeri dan pengerusi majlis pergerakan itu, katanya.

"Tidak dinafikan usaha ke arah menyatupadu serta merapatkan barisan di dalam Pemuda sekarang ini terpaksa dilakukan secara berterusan sehinggalah perwakilan Pemuda menentukan kepimpinan pergerakan ini dalam perhimpunan agung Pemuda akan datang," kata beliau.

Hishammuddin merakamkan terima kasih kepada Zahid kerana sumbangan dan pengorbanan beliau kepada pergerakan itu.

"Saya yakin beliau akan tetap bersama-sama kita di dalam memperjuangkan agenda Umno yang masih belum selesai," katanya.

Mengenai keputusan polis tidak mengeluarkan permit bagi Perhimpunan

Perdana yang dijadualkan Sabtu ini, Hishammuddin berkata Pemuda akur dan menghormati keputusan itu.

Katanya keputusan itu tentunya dibuat setelah polis mengambil kira dan menimbangkan semua aspek demi menjaga keselamatan negara.

"Yang penting sekarang ini, bukanlah sama ada perhimpunan ini dapat direalisasikan atau tidak, tetapi ia telah membuktikan komitmen kita kepada parti, kerajaan dan negara," katanya.

Beliau mencadangkan anggota Pemuda dan rakyat yang ingin terus menunjukkan sokongan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya berbuat demikian dengan menghantar surat, poskad, telegram atau faks kepada ibu pejabat Pergerakan Pemuda Umno di Tingkat 37, Menara Dato' Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra, Jalan Tun Ismail, 50480, Kuala Lumpur.

-- BERNAMA

AZZ MAI